

91 mangsa

dipindahkan di penempatan sementara di Tehel, Jasin, Melaka

1.2 meter

kenaikan mendadak paras air Sungai Langat

0.6 meter

paras banjir di Parit Sulong

6.12 meter

paras air Sungai Lenik di Ladang Chaah melepasi paras normal 4 meter



Anggota IPAM Batu Pahat menyertai operasi menyelamat dan memindahkan mangsa banjir di Kampung Parit Gantong, Parit Sulong, semalam. (FOTO MUSTAPHA ISMAIL/BH)



Mangsa banjir di Parit Sulong, Batu Pahat **dipindahkan** di penempatan sementara.



Anggota Bomba dan Penyelamat memindahkan mangsa banjir di Taman Kristal 2 ke Pusat Pemindahan Dewan Orang Ramai Dengkil, semalam.



Mangsa banjir di Batu Pahat **terpaksa meninggalkan rumah** mereka yang dinaiki air.

Maklumat banjir

☑ Maklumat status terkini banjir melalui <http://portalbanjir.mkn.gov.my> atau Public@Infobanjir laman Twitter

☑ Bilik Gerakan Majlis Peperiksaan Malaysia: 03-61302666 (7 pagi-6 petang), 03-61369663, 03-61302664, 03-61302646.

Kawasan berisiko banjir

☑ Dianggarkan seluas 29,800km persegi, 9 peratus luas tanah negara ☑ Negeri biasa banjir, Johor, Pahang,

Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur berisiko banjir kilat

Air Sungai Langat melimpah

Limpahan air Sungai Langat, ditambah dengan hujan lebat yang melanda kawasan Sepang sejak dua hari lalu menyebabkan beberapa kawasan sekitar Dengkil, dilanda banjir.

Keadaan menjadi lebih teruk berikutan parit dan saluran tersumbat serta tidak diselenggara dengan baik di sekitar kawasan taman perumahan dan kampung terbabit, selain kesan aktiviti pelombongan pasir haram yang pernah dijalankan situ sebelum ini.

Banjir paling buruk

Banjir semalam disifatkan antara yang paling teruk melanda pekan Dengkil kerana sebelum ini hanya Kampung Semarang yang pernah mengalami bencana berkenaan.

Penduduk, Rozlan Hussin, 44, dari Taman Baiduri, berkata dia

dan keluarga terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara selepas kediamannya mula dimasuki air kira-kira jam 4.30 pagi.

“Kami hanya sempat menyelamatkan beberapa dokumen penting. Anak kedua, Mohd Amirullah, 17, pula menumpang tidur di

“

Kami hanya sempat menyelamatkan beberapa dokumen penting. Anak pula menumpang tidur di rumah kawannya untuk mengulangkaji pelajaran bagi menghadapi SPM esok”

Rozlan Hussin,
Mangsa banjir

rumah kawannya untuk mengulangkaji pelajaran bagi menghadapi SPM esok (hari ini),” katanya.

Mansor Baharom, 75, dari Kampung Cemperai, terpaksa menghantar isteri, Zawiah Johan, 70, ke rumah anaknya kerana wanita itu terlalu uzur untuk ikut berpindah ke pusat pemindahan sementara, manakala Salina Saharudin, 25, bersama dua anak lelakinya ke pusat itu dari Kampung Revolusi Hijau yang mula dinaiki air jam 5 pagi semalam.

“Suami dan saya hanya sempat menyelamatkan beberapa dokumen penting, manakala harta benda lain termasuk motosikal dan peti ais ditenggelami banjir berikutan air naik terlalu cepat,” kata Salina, ibu dua anak, masing-masing berusia dua tahun dan dua bulan itu.



Calon SPM, Nooradilah Azman, 17 mengulangkaji di pusat pemindahan sementara di Kampung Parit Gantong, Parit Sulong, Batu Pahat.